

18/02/1999

Penyelidik kaji sokongan rakyat

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Rabu - Lapan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilantik oleh Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan untuk menjalankan kajian mengenai sokongan rakyat di Wilayah Persekutuan terhadap kepemimpinan kerajaan.

Pengerusinya, Datuk Suleiman Mohamed, berkata kajian yang dijalankan oleh pasukan penyelidik itu berdasarkan pengamatan, pemerhatian dan pendengaran.

"Kami berpendapat cara yang digunakan itu memadai dan tidak perlu lagi kepada borang soal selidik," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Katanya, pada peringkat awal kajian menunjukkan golongan usia pertengahan memberi sokongan padu terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kajian itu juga, katanya, mendapati remaja dan pelajar universiti adalah yang mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan dakyah pihak yang menentang kerajaan.

"Berdasarkan kajian awal itu juga menunjukkan pengaruh penentang kerajaan ini tidaklah begitu kuat. Mereka hanya disertai kumpulan kecil remaja dan pelajar yang tidak begitu tahu mengenai sejarah dan masih belum berkeluarga.

"Mereka adalah kumpulan yang mudah terikut-ikut dan terpengaruh dengan dakyah negatif," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kajian itu menjangkakan sikap golongan itu berubah apabila mereka berkeluarga.

Mengenai langkah yang diambil oleh badan perhubungan sendiri, Suleiman yang juga Timbalan Menteri Penerangan berkata, semua Umno bahagian, ketua cawangan, pemuda dan wanita sudah bergerak lebih awal memberi penerangan mengenai pemasalahan semasa di peringkat akar umbi.

"Dalam konteks ini, saya lebih yakin kepada komunikasi bersemuka dengan masyarakat. Sebab itu saya meminta semua jentera parti bergerak memberi penerangan secara bersemuka di peringkat akar umbi," katanya.

Ditanya adakah Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan menumpukan kepada sasaran kelompok tertentu terutama pelajar, beliau berkata, setakat ini tidak ada.

Katanya, penerangan yang dibuat di peringkat negeri dan bahagian bergerak secara menyeluruh dan tiada sasaran kelompok tertentu.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya akan memikirkan satu formula khas bagi kumpulan sasaran terutama remaja dan pelajar yang nampaknya lebih gemar kepada cabaran.

Mengenai pembabitan dalam pilihan raya di Sabah, Suleiman berkata, Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan sudah mula menghantar 120 kakitangan secara berperingkat ke negeri itu.

Beliau berkata, Umno Wilayah Persekutuan dipertanggungjawab menjalankan kempen di tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Kalabakan, Marotai dan Sri Tanjung di kawasan Parlimen Tawau.

"Berdasarkan tinjauan kami, Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang besar memenangi tiga kawasan berkenaan yang majoritinya Melayu," katanya.

(END)